

Bahagian Umno diarah sifar masalah

BH- 24/7/2007

TUMPAT: Bahagian Umno di seluruh negara diarah berusaha mencapai tahap sifar masalah dalaman dan sentiasa mengutamakan perpaduan parti sebagai perediaan menghadapi pilihan raya umum akan datang, kata Datuk Seri Najib Razak.

Timbalan Presiden Umno berkata, tahun ini adalah tempoh untuk Umno mengukuhkan kedudukan sebagai satu organisasi, termasuk jentera parti supaya lebih mampu dan berkeupayaan menghadapi saingan pilihan raya.

"Ia (perkara itu) mesti diletakkan sebagai keutamaan dalam segala aktiviti dan usaha yang dilakukan kepimpinan semua peringkat. Kalau hendakkan keyakinan lebih tinggi daripada rakyat, parti mesti sifar masalah dalaman.

"Masalah dalaman yang dibiarkan, boleh menjadi hambatan dan rintangan kepada kejayaan kita dan perkara itu sudah terbukti dalam pilihan raya sebelum ini," katanya selepas merasmikan Persidangan Tahunan Perwakilan Umno Bahagian Tumpat, di sini, semalam.

Turut hadir, Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Datuk Dr Awang Adek Hussin; Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Mustapa Mohamed dan Ketua Umno bahagian Tumpat, Datuk Noor Zahidi Omar.

Najib yang juga Timbalan Perdana Menteri berkata, Umno perlu ber-

paksi kepada kekuatan diri sendiri tanpa dibelenggu sebarang kelemahan dan masalah dalaman.

"Saya tidak mahu kita hanya bergantung kelemahan orang lain sebaliknya kita mesti berdiri atas kekuatan sendiri, kelemahan dan masalah mereka menjadi bonus kepada kita, tetapi kita mesti tetap berpaksi kekuatan sendiri," katanya.

Berucap di majlis itu, beliau berkata, Kelantan akan menjadi medan pertarungan yang terbesar kepada Umno pada pilihan raya akan datang dan berikutan itu, sifar masalah dan usaha mengukuhkan parti mesti menjadi keutamaan setiap bahagian Umno negeri.

"Tempat lain, kita akan hadapi tentangan dan ancaman parti lain, tetapi cabaran di Kelantan lebih menarik perhatian, bukan setakat penduduk negeri ini tetapi pemerhati dalam dan luar negara.

"Mereka akan melihat sama ada rakyat Kelantan akan membuat keputusan selepas 17 tahun Pas perintah, sudah sampai masa membawa perubahan dengan memberi peluang kepada Umno kembali memerintah negeri ini," katanya.

Beliau berkata, untuk itu Umno Kelantan perlu menumpukan segala kekuatannya untuk berdepan pilihan raya dan paling utama semua pemimpinnya Umno menunjukkan teladan kepada orang lain, bahawa tiada masalah dalam parti.

"Sebagai parti politik, perbezaan

pendapat tidak dapat dielakkan, tetapi parti ada cara menyelesaikan masalah dalaman. Apa juga perbezaan pendapat termasuk tidak dapat jadi calon, jangan parti dikorbankan.

"Buang perangai hodoh, jangan bila tak dipilih sebagai calon dalam pilihan raya, gertak parti. Kenang orang Umno dulu yang menyumbang dan berkorban untuk parti, tetapi hari ini, kalau hulu baru kerja," katanya.

Beliau berkata, Umno Kelantan boleh merancang pelbagai pembangunan untuk negeri ini tetapi kalau tidak dibetulkan sebarang kepincangan yang ada, segala usaha akan menjadi sia-sia ibarat mencurahkan air ke daun keladi.

Katanya, jentera Umno juga tidak boleh bersikap menunggu ganjaran baru hendak mula bekerja untuk parti

kerana sikap sedemikian tidak mampu membawa kemenangan walaupun diberi peruntukan RM20 bilion.

"Kerajaan Pusat sudah mengubah pendekatan terhadap Kelantan dengan tidak mahu mendera rakyatnya menerusi peruntukan RM7.6 bilion dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

Sementara itu berucap di jamuan rakyat Masjid Kampung Slow Machang dekat Pasir Mas, selepas solat Jumaat semalam, Najib meminta rakyat Kelantan bermuafakat menyokong Barisan Nasional (BN) bagi membina tamadun Islam yang lebih baik di negeri ini.

Sambil mengakui ramai umat Islam di Kelantan masih ketinggalan, beliau berkata, usaha yang akan dilakukan BN menerusi Kelantan Baru bukan sekadar penambahbaikan terhadap masjid dan surau semata-mata, sebaliknya mencakupi pelbagai perkara.

"Umat Islam rata-rata masih lemah dan mundur, atau dalam kata lain kurang berjaya. Ini yang mahu diperbetulkan menerusi Kelantan Baru. Kita mahukan perubahan besar dan berusaha mendaulatkan agama Islam di Kelantan.

"Perubahan bukan setakat penambahbaikan masjid dan surau, tetapi mencakupi pembinaan tamadun Islam yang lebih berjaya dan dihormati. Sehubungan itu, sokongan rakyat Kelantan amat diharapkan agar matlamat itu tercapai," katanya.

FAKTA NOMBOR

Umno

3.3 juta

Ahli seluruh negara

191

Bahagian